

Lagi NGO, Parti Politik Bantah kempen Bebaskan Anwar 901
Bernama
3 Januari , 2012

KUALA LUMPUR, 3 Jan (Bernama) -- Lima lagi laporan polis dibuat Selasa oleh tiga badan bukan kerajaan (NGO) dan dua parti politik bagi membantah rancangan mengadakan demonstrasi "Kempen Bebaskan Anwar 901" di ibu negara Isnin depan.

Laporan polis itu dibuat pada pukul 11.40 pagi di Balai Polis Dang Wangi oleh Presiden Ikatan Rakyat Malaysia (IRIMM) Amir Amsaa Alla Pitchay, Pengerusi IRIMM Pulau Pinang Zainol Abidin Ahmad, Presiden Dewan Ekonomi dan Sosial Malaysia (DESMMA) Mohd Fazil Abdullah dan Ketua Bahagian MIC Wangsa Maju S. Mohan Pillay.

Satu lagi laporan dibuat oleh Ketua Pergerakan Wanita Umno Wilayah Persekutuan Datuk Azizah Abdul Samad pada 3 petang.

Di TEMERLOH, Pahang, Kempen "Bebaskan Anwar 901" terus dikecam pelbagai pihak yang menyifatkan tindakan itu menghina sistem kehakiman negara.

Beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mewakili penduduk Melayu dan India sekitar daerah ini, hari ini membuat laporan polis di Balai Polis Lanchang manakala satu lagi dibuat Pemuda MIC dan Puteri Umno Bahagian Temerloh di Balai Polis Temerloh di sini.

Ketika ditemui pemberita, Amir Amsaa berkata laporan itu dibuat bagi meminta polis mengambil tindakan sewajarnya terhadap penganjur demonstrasi yang menjadi dalang dalam menggugat keamanan negara.

Mohd Fazil berkata sekiranya demonstrasi seperti itu diadakan, ia mungkin mendapat liputan media asing yang cuba menggambarkan impak demonstrasi itu secara berlebihan dan memberi tanggapan negatif kepada masyarakat dunia.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637725>